

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap keberkesanan pengangkutan awam di negara ini, terutamanya perkhidmatan bas ekspres. Bagaimana Kementerian mengatasi sekiranya berlaku kesesakan di lebuh raya. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan suatu laluan khas atau sistem yang baru di lebuh raya dari utara ke selatan bagi menjamin bas-bas ekspres tersebut tidak terlewat tiba ke destinasi dituju.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan polisi semasa, pemandu bas ekspres boleh menggunakan jalan atau laluan alternatif jika berlaku kesesakan di lebuh raya tetapi dengan syarat pemandu bas ekspres perlu berhenti di terminal/hentian seperti mana di dalam permit perkhidmatan yang telah diluluskan oleh APAD. Cadangan untuk mengadakan suatu laluan khas bas ekspres atau sistem yang baru di lebuh raya dari utara ke selatan akan menyebabkan berlaku kesesakan untuk mod pengangkutan yang lain.

Sekian, terima kasih.